

## PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB BERBANTUKAN KOMPUTER: SATU TINJAUAN AWAL

Ashinida Aladdin, Afendi Hamat dan Mohd. Shabri Yusof  
Pusat Pengajian Bahasa Dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

*Abstrak:* Memandangkan kepada ledakan teknologi maklumat yang semakin pesat, penggunaan komputer telah terbukti mempunyai potensi yang cukup luas dan dinamik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Pembelajaran bahasa berbantuan komputer (PBBK) ini bukanlah satu fenomena yang baru. Ianya bermula di permulaan tahun 70an di Amerika Syarikat dengan tertubuhnya "PLATO System" (Programmed Logic for Automated Teaching Operations) di University of Illinois yang menggunakan kerangka utama. Meskipun PBBK ini telah lama digunakan di negara barat, namun di Malaysia ianya masih ditahap awal pengaplikasiannya. Kajian penggunaan komputer (PBBK) dalam dan pembelajaran bahasa Arab yang dijalankan ini, adalah satu kajian awal yang respondennya terdiri daripada 100 orang pelajar tingkatan lima dari tiga buah sekolah agama berasrama penuh di Malaysia iaitu Kolej Islam Sultan Alam Shah, Kelang, Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Kajang dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Labu. Kajian ini adalah kajian deskriptif yang dikendalikan menggunakan tinjauan. Bagi tujuan pengumpulan data, borang soal-selidik telah diedarkan kepada subjek kajian yang dipilih dan seterusnya data ini dianalisis. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada para pelajar yang mempelajari bahasa Arab tentang minat dan persepsi mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab berbantuan komputer. Hasil kajian yang diperolehi menunjukkan pelajar mempunyai persepsi yang sangat baik terhadap PBBK. Pengkaji juga telah menyarankan beberapa cadangan untuk penggunaan PBBK dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berdasarkan dapatan kajian.

Kata kunci: Pembelajaran bahasa, Komputer, Pelajar, Minat, Persepsi

### PENGENALAN

Revolusi teknologi maklumat sejak akhir-akhir ini membuat ramai pihak berminat untuk mengintegrasikan komputer dalam bidang tugas masing-masing. Ini termasuklah golongan guru dan pendidik daripada pelbagai bidang. Dalam bidang pengajaran bahasa, penggunaan komputer sebenarnya telah bermula sejak 30 tahun yang lalu. Pembelajaran Bahasa Berbantuan Komputer (PBBK) atau lebih dikenali sebagai *CALL* (Computer Assisted Language Learning) telah mula dipelopori sejak dari 1960an lagi. Semenjak daripada itu, PBBK sendiri telah melalui tiga fasa yang berbeza (Warschaur 1996) [12]. Fasa-fasa ini dikenali sebagai "*behavioristic CALL*", "*communicative CALL*" dan "*integrative CALL*".

Fasa *behavioristic* mula dikonsepsikan pada akhir 1950an dan mula meluas pengaruh dan kesannya pada tahun 1960an. Fasa ini dipengaruhi dengan kuat oleh teori pembelajaran yang dominan ketika itu iaitu teori pembelajaran behaviorisme. Fasa ini dipenuhi dengan program latihan dan pembelajaran yang berbentuk latih tubi dan praktis (*drill and practise*) yang dilakukan secara berulang-ulang. Antara sistem yang paling dikenali dalam fasa ini ialah PLATO yang mengandungi latih-tubi untuk perbendaharaan kata, nahu dan terjemahan (Ahmad, Corbett, Rogers & Sussex 1985) [3]. Antara rasional penggunaan PBBK secara *behavioristic* ini adalah:

- Pendedahan yang berulang kali kepada bahan pengajaran yang sama bukan sahaja dapat membantu pengajaran, malah sangat penting untuk pembelajaran yang berjaya.
- Komputer sesuai digunakan untuk latihan berbentuk latih-tubi kerana ia merupakan sebuah mesin atau alat yang tidak akan jemu mempersembahkan bahan pengajaran yang sama berulang kali. Selain daripada itu, ia juga boleh memberi maklum balas dengan serta merta kepada pelajar.
- Komputer juga boleh mempersembahkan bahan pengajaran yang telah diindividualisasikan. Ini membolehkan pelajar belajar mengikut tahap dan kemampuan masing-masing.

Fasa kedua iaitu *communicative CALL*, mula digunakan secara meluas pada tahun 1970an dan 1980an. Ia berasaskan pendekatan pembelajaran bahasa secara komunikatif yang menolak pendekatan berbentuk *behaviorist* dengan alasan bahawa pendekatan *behaviorist* tidak dapat membantu dalam menyediakan pelajar untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan dan bermakna. Menurut Underwood (1984) [10], *communicative CALL* adalah:

- a. Lebih mengutamakan penggunaan bahasa daripada pembelajaran berbentuk bahasa.
- b. Mengajar nahu secara tidak langsung dan bukannya secara langsung.
- c. Mengajar pelajar untuk menghasilkan pertuturan sendiri dan asli daripada mengulangi bahagian atau unit yang telah disediakan.
- d. Tidak mengadili atau menilai pelajar dan tidak memberikan sebarang bentuk hadiah atau rangsangan.
- e. Mengelakkan memberitahu pelajar bahawa mereka adalah salah dan lebih fleksibel bila menilai respon pelajar.

Fasa ketiga dan yang terbaru iaitu *integrative CALL* dipengaruhi oleh dua kemajuan utama dalam dekad yang lepas – komputer multimedia dan Internet. Kedua-dua kemajuan ini membolehkan integrasi media dan merupakan platform yang lebih berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran bahasa berbantuan komputer boleh dilakukan secara menyeluruh dan merangkumi semua aspek kemahiran bahasa.

Kajian mengenai keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa berbantuan komputer (PBBK) telah mula dilakukan secara meluas di Malaysia. Kajian-kajian lepas mengenai pandangan pelajar terhadap penggunaan PBBK telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar secara ratanya berpandangan positif terhadap penggunaan PBBK dalam kelas bahasa (Nor Hanim Hamdan, 1994 [7]; Afendi Hamat, 1995 [2]; Zubaidah Zakaria, 1996 [13]; Hazeline Mahmood, 1998 [4]; Zuwati Hasim, 1998 [14]; Wan Zumusni Wan Mustapha, 1999) [11]. Kajian-kajian lain pula mendapati bahawa PBBK lebih berkesan sekiranya kandungannya adalah selari dengan kurikulum dan bahan pengajaran yang digunakan di dalam kelas. Selain daripada itu, PBBK juga didapati lebih berkesan jika digunakan sebagai bahan tambahan kepada pengajaran biasa daripada penggunaan PBBK secara sendirian.

Kajian perbandingan antara PBBK dan teknik pengajaran bahasa secara tradisional menunjukkan bahawa penggunaan PBBK telah membantu memperbaiki kemahiran linguistik pelajar (Rohaya, 1991 [8]; Jamaleah Ismail, 1996), meningkatkan motivasi pelajar dan mengurangkan masa yang diperlukan untuk mempelajari sesuatu konsep (Adi Afzal Ahmad, 1996 [1]; Ismail I, 1996 [5]; Zubaidah Zakaria, 1996) [13]. M. Noor Azman Othman (2000) [6] telah melaporkan responden yang menggunakan program membaca PBBK beliau, *Quickster*, telah memberikan pandangan yang positif. Hampir keseluruhan subjek kajian memberitahu yang mereka telah memperbaiki kemahiran dan kefahaman membaca mereka.

Sungguhpun kajian-kajian awal telah membuktikan keberkesanan PBBK dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, namun di Malaysia ianya masih belum mendapat perhatian yang meluas (Hussin, 1994) [9]. Di Malaysia, kajian mengenai PBBK dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris telahpun dijalankan. Walau bagaimanapun, kajian terhadap penggunaan PBBK dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing secara khusus yang melibatkan pelajar belum ada lagi dijalankan. Justeru itu, pengkaji merasakan perlunya satu kajian di peringkat awal bagi mengkaji penggunaan PBBK dalam pembelajaran bahasa Arab.

#### *Matlamat Kajian*

Matlamat kajian ini dijalankan ialah untuk:

1. Mendapatkan maklum balas daripada pelajar tentang tahap kemahiran, minat dan persepsi mereka terhadap P&P bahasa Arab dengan menggunakan komputer.
2. Mencadangkan beberapa cadangan yang berkaitan dengan penggunaan komputer dalam pembelajaran bahasa Arab berdasarkan hasil kajian.

## BAHAN DAN KAEDAH

### Metodologi Kajian

Memandangkan bahawa kajian ini adalah kajian deskriptif, kajian ini dikendalikan menggunakan tinjauan. Dalam mengendalikan tinjauan ini, borang soal-selidik diedarkan kepada subjek kajian yang dipilih.

### Tempat Dan Subjek Kajian

Kajian ini telah dijalankan di tiga buah sekolah agama berasrama penuh di Malaysia iaitu di Kolej Islam Sultan Alam Shah, Kelang, Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Kajang dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan, Labu. Ketiga-tiga buah sekolah di atas dipilih secara 'purposive sampling' dengan kriteria berikut:

- Sekolah yang mendapat bantuan penuh kerajaan.
- Sekolah tersebut mempunyai kemudahan prasarana yang mencukupi seperti komputer, bahan-bahan pengajaran yang terkini dan makmal bahasa.
- Para guru dan pelajarnya sentiasa mendapat input dan informasi yang mutakhir untuk meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
- Sekolah ini hanya menerima kemasukan pelajar yang cemerlang dalam PMR.

Pemilihan sampel daripada pelajar juga dilakukan secara 'purposive sampling' di mana kriteria pemilihan ini adalah seperti yang berikut:

- 100 orang pelajar tingkatan lima daripada ketiga-tiga buah sekolah di atas.
- Mereka adalah pelajar-pelajar yang terpilih dan mendapat keputusan cemerlang dalam PMR serta telah mempelajari bahasa Arab selama 4 tahun iaitu daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 4.
- Mereka dapat memberi maklum balas yang tepat yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab berbantuan komputer.


### Alat Kajian

Untuk tujuan kajian ini, alat yang digunakan untuk memperoleh data ialah borang soal-selidik. Soal-selidik kepada para pelajar merangkumi soalan yang menyelidiki tentang tahap kemahiran mereka menggunakan komputer, minat mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab berbantuan komputer dan persepsi mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab berbantuan komputer.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Data yang diperolehi dalam soal-selidik ini dinilai. Data menunjukkan bahawa reaksi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab berbantuan komputer adalah positif.


### Tahap Kemahiran Pelajar Dalam Penggunaan Komputer



Rajah 1: Tahap Kemahiran Pelajar Dalam Penggunaan Komputer

Daripada soal-selidik yang diedarkan, didapati hanya 4% pelajar sahaja yang sangat mahir menggunakan komputer, seramai 48% mahir, 46% kurang mahir dan 2% tidak mahir menggunakan komputer. Pengkaji mencadangkan bagi melaksanakan PBBK dalam pembelajaran bahasa Arab, pelajar-pelajar yang kurang dan tidak mahir ini perlu diberi latihan dan pendedahan yang secukupnya untuk memahirkan mereka dalam penggunaan komputer.

*Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Berbantuan Komputer*



Rajah 2 : Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Berbantuan Komputer

Apabila ditanya mengenai minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab berbantuan komputer, respon yang diterima adalah amat positif. 41% menyatakan amat berminat dan 41% juga menyatakan mereka berminat mempelajari bahasa Arab berbantuan komputer. Terdapat 17% pelajar yang kurang berminat belajar bahasa Arab berbantuan komputer dan 1% tidak berminat langsung. Para pelajar yang kurang dan tidak berminat ini adalah terdiri daripada mereka yang kurang dan tidak mahir dalam penggunaan komputer. Walau bagaimanapun, pengkaji merasakan bahawa pelajar-pelajar ini boleh dibimbing dan dipupuk minat mereka dengan latihan kemahiran dan motivasi yang diberikan.

*Persepsi Pelajar Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Berbantuan Komputer*

Bagi soalan yang menyelidiki tentang persepsi terhadap pembelajaran bahasa Arab berbantuan komputer, pengkaji telah mendapat jawapan yang amat menggalakkan. 60% menyatakan bahawa mereka percaya yang pembelajaran bahasa berbantuan komputer dapat meningkatkan tahap penguasaan mereka terhadap bahasa Arab, 57% menyatakan bahawa PBBK dapat menjimatkan masa mereka mempelajari bahasa Arab dan 64% menyatakan bahawa mereka percaya yang PBBK dapat memudahkan mereka mempelajari bahasa Arab. Rujuk Jadual 1.

Jadual 1: Persepsi Pelajar

Persepsi Pelajar	Peratus
Percaya bahawa PBBK meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab	60%
Percaya bahawa PBBK menjimatkan masa pembelajaran	57%
Percaya PBBK memudahkan pembelajaran	64%

Daripada statistik ini, didapati bahawa pelajar yang belajar bahasa Arab mempunyai persepsi yang amat positif berkaitan mempelajari bahasa Arab berbantuan komputer.

## CADANGAN DAN KESIMPULAN

Daripada dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan bagi penggunaan komputer dalam pembelajaran bahasa Arab iaitu:

1. Para pelajar harus didedahkan kepada informasi terkini, latihan dan bimbingan serta motivasi yang berterusan yang berkaitan dengan teknologi maklumat supaya mereka tidak merasa terkebelakang dalam usaha untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berbantuan komputer.
2. Bagi pelajar yang kurang dan tidak mahir menggunakan komputer, usaha dari pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan menyediakan kursus dan bimbingan khusus untuk mereka bermula dari tahap awal.
3. Kementerian Pendidikan hendaklah melengkapkan sekolah dengan kemudahan prasarana yang secukupnya bagi menjana teknologi maklumat supaya para pelajar dan guru mendapat faedah yang maksimum dalam pengajaran dan pembelajaran mereka bersesuaian dengan arus masa kini.

Daripada kajian yang telah dijalankan dan berdasarkan pemerolehan data yang diperolehi, dapat dibuat kesimpulan bahawa para pelajar telah menunjukkan minat mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab berbantuan komputer dengan jumlah peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 82% dan mempunyai persepsi yang baik dan positif terhadap PPBK di mana 60% menyatakan bahawa mereka percaya yang PPBK dapat meningkatkan tahap penguasaan mereka terhadap bahasa Arab, 57% menyatakan yang PPBK dapat menjimatkan masa mempelajari bahasa Arab dan 64% menyatakan bahawa mereka percaya yang PPBK dapat memudahkan mereka mempelajari bahasa Arab.

Memandangkan kajian ini adalah satu kajian awal, pengkaji berharap satu kajian empirikal yang lebih mendalam yang mengkaji tentang penyediaan bahan perisian akan dapat dijalankan, supaya bahasa Arab dapat dipelajari dengan kaedah yang lebih mudah dan efektif yang mengikuti perkembangan semasa supaya ia dapat berkembang dengan lebih meluas lagi. Adalah diharapkan mempelajari bahasa Arab bukanlah sekadar mempelajarinya sebagai bahasa-bahasa asing yang lain, tetapi lebih daripada itu, iaitu sebagai satu keperluan kepada individu Muslim yang mempelajari dan mengaplikasikan bahasa Arab dalam kehidupan seharian sebagai bahasa Al-Quran yang mana kandungan Al-Quran ini merangkumi seluruh aspek kehidupan yang perlu dikaji dan didalami untuk kejayaan dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat.

## RUJUKAN

1. Adi Afzal Ahmad. 1996. *On tour : the multimedia courseware for students of KBSM English*. Unpublished Undergraduate Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Afendi Hamat. 1995. *A computer-assisted language learning for English proficiency courses at UKM*. Unpublished Undergraduate Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Ahmad, K., Corbett, G., Rogers, M. & Sussex, R. 1985. *Computers, language learning and language teaching* : Cambridge University Press.
4. Hazeline Mahmood. 1998. *A multimedia CALL programme : D.R.E.A.M.* Unpublished Undergraduate Thesis. (B. Ed. TESL Program), Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. Ismail, I. 1996. *The effectiveness of using CoMIL in teaching a unit of form four KBSM syllabus to form four students in a rural area*. Unpublished Undergraduate Tesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. M. Noor Azman Othman. 2000. *The effects of Quickster, a computer reading software, on the students' reading speed, reading time, and reading comprehension*. Unpublished Graduate Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.

7. Nor Hanim Hamdan. 1994. *The application of CALL in learning vocabulary especially in contextual clues among form one ESL students*. Unpublished Undergraduate Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
8. Rohaya. 1991. *CALL: the teaching of English at lower secondary schools*. Unpublished Undergraduate Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.
9. Supyan Hussin. 1994. *The effectiveness of computer-assisted language learning in ESL classrooms at Universiti Kebangsaan Malaysia*. Unpublished Doctoral Dissertation, University of Illinois, Urbana Champaign.
10. Underwood, J. 1984. *Linguistics, computers and the language teachers : a communicative approach*. Rowley, MA: Newbury House.
11. Wan Zumusni Wan Mustapha. 1999. *A study of teachers' and students' perception on PPBBK in Kolej Yayasan Pelajaran Mara, Bangi*. Unpublished Masters Practicum Paper, Universiti Kebangsaan Malaysia.
12. Warschauer, M. 1996. Computer assisted language learning : an introduction. In S. Fotos (Ed.), *Multimedia Language Teaching* :. 3-20. Tokyo : Logos International.
13. Zubaidah Zakaria. 1996. *A-Cess : a self-access courseware for form three students*. Unpublished Undergraduate Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia
14. Zuwati Hasim. 1998. *Computer assisted language learning (CALL : the use of basic language explorer as an educational aid in the teaching of English grammar and reading for VG1013*. Unpublished Undergraduate Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia.